



'MASJID BESI' yang tinggal kira-kira 20 peratus sahaja kerja-kerja pembinaannya bakal menjadi ikon baru Pusat Pentadbiran Kerajaan Pusat di Putrajaya.



RUANG solat memperlihatkan tiang-tiang besi keluli adalah sokongan utama binaan masjid manakala kubah disiapkan sepenuhnya menggunakan keluli tahan karat.

Keunikan 'Masjid Besi'

Info Masjid Besi

Oleh NURUL IZZA ROSLY
 izza.rosly@kosmo.com.my

PUTRAJAYA - Menjelang penghujung tahun ini, warga Putrajaya khasnya dan Malaysia umumnya dapat melihat sebuah seni bina unik yang belum pernah di-aplikasikan di mana-mana bangunan di negara pada ketika ini.

Mungkin ramai yang pernah mendengar nama 'Masjid Besi' yang sedang rancak pembinaannya di Presint 3, berhampiran Tasik Putrajaya, namun bagi yang belum mengetahui mengenainya, pastinya tertanya-tanya mengapa ia digelar sedemikian.

Walaupun belum ada nama rasmi untuk masjid ini diberikan, namun panggilan jolokan itu yang diberikan oleh kebanyakan warga Putrajaya menjadikan ia popular sehingga ramai yang ternanti-nanti bagaimana 'wajah' masjid itu yang bakal melengkapkan landskap Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan kelak.

Binaan itu mendapat panggilan itu ekoran binaannya terdiri daripada 70 peratus

besi keluli (6,000 tan), manakala selebihnya adalah konkrit yang menelan belanja sebanyak RM180 juta.

Menurut Pengarah Jabatan Pembangunan Bandar Perbadanan Putrajaya, Ir. Mohd. Ridzwan K. Othman, (gambar) selain dibina dengan 70 peratus besi keluli, binaan masjid tersebut tidak akan mempunyai dinding seperti bangunan konvensional lain.

"Ia digantikan dengan *Mashrabiah* yang diperbuat dengan anyaman besi tahan karat yang mempunyai ciri telus cahaya, dengan cahaya dan angin boleh menembusi anyaman besi untuk memberikan keselesaan kepada pengguna.

"Masjid ini tidak akan dilengkapi dengan sebuah kipas pun dan bagi memberikan keselesaan kepada pengunjung, sistem pengudaraan udara sejuk atau *gas district cooling* (GDC) akan digunakan di dalam bangunan masjid bagi menggantikan sistem penghawa dingin," katanya ketika ditemui *Kosmo!* kelmarin.

Tambahnya, pembinaan masjid yang kini

pada peringkat 81 peratus siap itu mula dibina pada Mac 2004 boleh memuatkan sehingga 20,000 jemaah pada satu-satu masa,

Keluasan keseluruhan masjid itu mencecah sehingga 73,800 meter persegi, ujarnya.

Jelasnya, apabila siap kelak, pengunjung akan menuju ke masjid melalui sebuah jejantas yang dikenali sebagai *Kiblat Walk* berkeluasan 13,640 meter persegi yang menghubungkan Dataran Putrajaya dengan masjid.

Tambah Mohd. Ridzwan, kawasan itu dihiasi dengan kolam air dan suasananya seperti berada di kota istana purba al-Hambra di Sepanyol.

"Selepas itu, pengunjung akan melalui *Iwan Utama* yang terdapat kaligrafi nama-nama Allah di kiri kanan dinding dan seterusnya melalui ruang *Sahn* sebelum sampai ke ruang solat utama.

"Ketika berada di ruang solat utama, pengunjung dapat melihat dinding *mihrab* yang diukir dengan tulisan ayat-ayat al-Quran pada panel kaca yang diimport khas dari Jerman," katanya.



- ▣ **Kos Pembinaan:** RM180 juta
- ▣ **Mula dibina:** Mac 2004
- ▣ **Siap:** Disember 2008
- ▣ **Keluasan masjid:** 60.150 meter persegi
- ▣ **Kapasiti jemaah:** 20,000
- ▣ **Kiblat Walk** - Ruang kolam umpama istana al-Hambra yang menghadap kiblat.
- ▣ **Iwan Utama:** Laluan gerbang utama menuju *Sahn* yang terukir nama-nama Allah, Asma ul-Husna.
- ▣ **Sahn:** Kawasan laman menempatkan ruang solat terbuka dan padang.
- ▣ **Dinding Mihrab:** Kawasan ruang solat utama, diletakkan cermin kaca dengan ukiran ayat-ayat suci al-Quran.
- ▣ **Kemudahan yang disediakan:** Ruang solat (dewan utama, ruang terbuka dan dewan solat muslimat), tiga unit kuarters dua tingkat (tiga bilik) untuk kegunaan kakitangan masjid, 10 unit bazar, bilik pameran yang boleh memuatkan 250 orang, bilik VIP, bilik penyelenggaraan, bilik jenazah, pejabat, dapur, bilik kawalan audio visual, ruang letak kereta bawah tanah (620 unit).